

10/04/2001

Peguam, artis, pengurus anggotai jawatankuasa penaja Puteri Umno

KUALA LUMPUR, Isnin - Peguam, artis dan pengurus adalah antara mereka yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Pusat Penaja Puteri Umno dan Ketua Puteri Negeri.

Pelantikan mereka diumumkan oleh Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said, selepas mesyuarat pertama jawatankuasa itu di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Azalina yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno melantik Noraini Ahmad sebagai Penolong Setiausaha Penaja, Raja Emylia Raja Lope Ahmad (Penolong Bendahari) dan Mastina Abdul Hamid (Ketua Penerangan).

Empat ahli Exco Pusat pula ialah Noor Liza Abu Hasan, Hamizah Mat Tahir, Sharifah Syahirah Syed Sheikh dan Fazira Wan Chik.

Bagi ketua penaja Puteri negeri pula, Norasmah Mohd Nawawi dipilih mengetuai Puteri Perak, Bibi Shazliza Mohd Talib (Negeri Sembilan), Rosfinah Rahmat (Melaka), Hazlina Jalil (Johor), Azlina Mehtab Mohd Ishaq (Pulau Pinang), Nordiana Shafie (Terengganu) dan Rosnah Abdul Rashid Shirlin (Sabah).

Turut dilantik Nora Azmin Mohd Radzuan (Selangor), Azlinda Mohd Rashad (Wilayah Persekutuan), Norlina Ahmad (Kelantan) dan Marzita Mansor (Perlis).

Azalina berkata, Ketua Penaja Puteri Pahang dan Kedah belum dilantik kerana menunggu nama yang akan diberikan oleh Badan Perhubungan Umno Negeri terbabit.

Dalam sidang akhbar selepas mesyuarat yang turut dihadiri Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, Azalina berkata jawatankuasa penaja akan menjelajah seluruh negara untuk menerangkan dan menarik generasi wanita muda Melayu menyertai Puteri Umno.

"Bertemakan 'Generasi Wanita Prihatin', Puteri akan mendekati seramai mungkin wanita Melayu muda di bandar dan desa, tanpa mengira taraf serta kedudukan mereka. Kita berharap dapat menarik 1.5 juta ahli," katanya.

Beliau berkata, strategi Puteri ialah menganjurkan pelbagai program berbentuk khidmat kesihatan dan pendidikan, terutama yang membabitkan semua golongan masyarakat.

Katanya, antara tindakan pertama jawatankuasa itu ialah mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Azalina berkata, Puteri juga akan mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Katanya, Puteri akan mengadakan kursus untuk semua exco dalam tempoh terdekat bagi menjelaskan mengenai asas perjuangan parti, sivik serta penerangan isu semasa dan pilihan raya.

"Menerusi kursus ini, kita harap semua exco mendapat maklumat secukupnya untuk memastikan Umno diterima sebagai parti dulu, kini dan selamanya," katanya.

Azalina berkata, semua ahli Puteri Umno akan diberi kad ahli untuk mengelak keahlian mereka diketepikan atau disorok.

Katanya, wanita berusia bawah 35 tahun yang berminat menyertai Puteri boleh memohon dengan mengguna borang keahlian Umno, yang mempunyai tanda khas Puteri Umno.

"Kami akan melancarkan keahlian Puteri pada peringkat pusat sebelum menjelajah ke seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Khalil berkata MT akan mengadakan garis panduan bagi mengelak ahli Pergerakan Wanita Umno menyertai Puteri Umno.

Katanya, MT sebelum ini memutuskan Puteri Umno perlu mencari ahli baru bukan dari kalangan ahli Wanita.

"Soal konflik keahlian di antara Wanita dan Puteri Umno tidak wujud kerana Puteri akan menumpukan kepada wanita muda yang dulu tidak menunjukkan minat untuk menyertai Umno," katanya.